

ثجابة فشاره تانه دان كالين نرغكانو.



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 - 2706
3100 - 3115 Fax. : 09-6229887



PTG.TR.G/05/1988/06/02 - (70)

17 November 1998
27 Rejab 1419

Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu.
Pentadbir Tanah, Dungun.
Pentadbir Tanah, Kemaman.
Pentadbir Tanah, Besut.
Pentadbir Tanah, Marang.
Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.
Pentadbir Tanah, Setiu.

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 5/1998 -
URUSAN MEMPROSES PERMOHONAN PECAH SEMPADAN KALI KEDUA
DARI TANAH KETERANGAN HAKMILIK SEMENTARA YANG BERASAL
DARI SAMBUNGAN HAKMILIK KEKAL**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas serta ditarik perhatian tentang peruntukan seksyen 135(1) dari seksyen 183(1) Kanun Tanah Negara yang seolah-olah ada percanggahan, pejabat ini telah meneliti perkara ini dan berpandangan kedua-dua peruntukan seksyen berkenaan tidaklah bercanggahan dan boleh berjalan beriringan.

2. Pemilik-pemilik tanah yang memegang Keterangan Hakmilik Sementara yang disambung dari Hakmilik Kekal adalah boleh memohon bagi dipecah sempadan mengikut seksyen 135(1) Kanun Tanah Negara tetapi perlu memenuhi syarat kehendak tafsiran "lot" di seksyen 5 Kanun Tanah Negara. Dengan kata-kata perkataan, pemilik Surat Keterangan Hakmilik Sementara yang berasal dari Sambungan Hakmilik Kekal boleh memohon pecah sempadan selanjutnya serta ditimbang untuk lulus oleh Pendaftar/Pentadbir Tanah dengan syarat Surat Keterangan Hakmilik Sementara terlibat telah ada Pelan Akui nya dan lot yang dirujuk untuk pecah sempadan hendaklah merujuk kepada lot Pelan Akui berkenaan.


3. Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah mengambil perhatian kehendak di para 2 di atas bagi mengelakan kesukaran dalam urusan pengeluaran hakmilik kekal tanah-tanah yang dibuat pecah sempadan dari Surat Keterangan Hakmilik Sementara yang berasal ~~dari~~ Sambungan Hakmilik Kekal.

Sekian.

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(**DATO' ARIA NEGARA**)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

s.k.

Fail Timbul.

HMS/rar.
s(ptd)1.disk hd.